

Toleransi, bebas beragama bolehkan rakyat hidup aman

UM 11 JUL 2003

PUTRAJAYA 10 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sikap toleransi dan amalan bebas beragama di negara ini membolehkan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan kepercayaan hidup dalam keadaan aman dan damai.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia kembali kepada ajaran Islam sebenar dengan membenarkan kebebasan beragama di mana orang bukan Islam boleh mengamalkan ajaran agama masing-masing tanpa gangguan.

Sambil memetik ayat al-Quran mengenai kebebasan beragama, Dr. Mahathir menjelaskan bahawa dalam sebuah negara berbilang kaum, keadaan menjadi sukar sekiranya tiada sikap toleransi.

“Mereka boleh mengamalkan ajaran mereka, kami boleh amalkan ajaran kami,” katanya menjawab soalan seorang peserta luar negara ketika sesi dialog selepas perasmian Multaqa Ulama Sedunia di sini hari ini.

Peserta dari sebuah institut pengajian Islam California, Amerika Syarikat, Dr. Fathi Osman bertanya Dr. Mahathir mengenai rahsia Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan kepercayaan sehingga mampu menjadi sebuah negara Islam moden.

Dr. Mahathir berkata, Islam sebenarnya mengamalkan demokrasi dan tidak pernah menolaknya dalam pembentukan kerajaan.

Katanya, Islam masih membenarkan perbezaan dalam berpolitik tetapi tidak sekali-kali membabitkan perselisihan dalam mengamalkan ajaran agama itu.

“Kita tidak boleh kata orang lain tidak Islamik ketika berdepan dengan pertikaian politik kerana apabila berlaku keadaan sedemikian, sudah tentu ia tidak akan membawa kepada perpaduan,” jelasnya.

Menurut Dr. Mahathir, walaupun umat Islam terdapat di setiap pelosok dunia, namun mereka masih mempercayai satu konsep yang sama iaitu percaya kepada Allah s.w.t.

Senjata

Dr. Mahathir memberikan contoh paling jelas amalan demokrasi dalam Islam yang diamalkan selepas kewafatan Nabi Muhammad s.a.w di mana Saidina Abu Bakar dilantik sebagai Khalifah Islam yang pertama bagi menggantikan baginda dan bukannya anak Rasulullah sendiri.

“Islam tidak menolak demokrasi tetapi mengamalkannya, kita membiarkan rakyat memilih siapa pemimpin untuk mengetuai kerajaan,” jelasnya.

Sementara itu ketika menjawab soalan penyarah dari Universiti Beirut, Abdul Rahman Ahmad, Dr. Mahathir turut merasa gembira dengan kesedaran orang ramai terhadap pentingnya fardu kifayah.

Menurut Perdana Menteri, selama ini kebanyakan perbincangan hanya berkisar kepada fardu ain dengan penekanan kepada aspek sembahyang, puasa dan zakat, yang merupakan amalan untuk diri sendiri sahaja.

Katanya, sedangkan kepentingan terhadap fardu kifayah tidak boleh dinafikan terhadap negara seperti dalam soal keselamatan.

“Bagi Islam, fardu kifayah juga penting kerana sebagai ummah sekiranya tidak mampu untuk mempertahankan dirinya, ia adalah satu dosa,” jelasnya.

Katanya, sikap mengabaikan kepentingan fardu kifayah boleh menyebabkan sesebuah negara itu tidak dapat mempertahankan diri mereka sendiri apabila diserang oleh musuh.

Katanya, jika tumpuan hanya diberi kepada pengetahuan agama sehingga mengabaikan perkara lain, umat Islam sebenarnya tidak menunaikan tanggungjawab mereka kepada ummah.

Dr. Mahathir berpendapat untuk mempertahankan masyarakat Islam, pengeluaran senjata adalah waiar dan berikutan itu mereka perlu mempelajari dan mendalami sains dan teknologi.